# AGENDA 1

**MEMILIH ENAM (6) ANGGOTA PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA SEBAGAI JAWATANKUASA MENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-45**

*Mesyuarat*
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE 45

# AGENDA 1

## MEMILIH ENAM (6) ANGGOTA PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA SEBAGAI JAWATANKUASA MENENTUSAH MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-45

### TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk memilih enam (6) anggota perwakilan dan empat (4) anggota Lembaga menganggotai Jawatankuasa Menentusah Minit (JMM) Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Ke-45.

### LATAR BELAKANG

2. Bagi memenuhi keperluan Akta Koperasi (Akta) perenggan 14(1)(b) yang menetapkan supaya minit MAPT diserahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) tidak lewat daripada 30 hari selepas tarikh MAPT diadakan. Peraturan-Peraturan Koperasi perenggan 14(1)(I) menggariskan MAPT perlu melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) anggota perwakilan dan empat (4) anggota Lembaga untuk menentusahkan minit MAPT.

3. MAPT Ke-44 telah bersetuju melantik enam (6) anggota perwakilan dan empat (4) anggota Lembaga sebagai JMM untuk menentusahkan minit mesyuarat tersebut. Maklumat keahlian JMM MAPT Ke-44 adalah seperti berikut:

**(a) Anggota Perwakilan**

| Bil. | Nama | Kawasan/Rancangan |
|---|---|---|
| 1 | Encik Abdul Azim bin Abdul Latib | Felda Bukit Rokan |
| 2 | Puan Rohana binti Abd Rahman | Kuala Lumpur |
| 3 | Encik Shamsul Anuar bin Abdul Rani | Felda Teloi Kanan |
| 4 | Encik Abd Aziz bin Saad | Kuala Lumpur |
| 5 | Encik T Hamzah bin T Draman | Felda Kerteh 4 |
| 6 | Encik Mohd Salim bin Muda | Felda Jenderak Utara |

**(b) Anggota Lembaga**

| Bil. | Nama | Status |
|---|---|---|
| 1 | Dato' Mohd Banuri bin Aris | Pengerusi |
| 2 | Encik Ahmad Syaarani bin Azulan | Setiausaha |
| 3 | Puan Iswanie binti Tormodi | Bendahari |
| 4 | Dato' Zainal Abidin bin Ahmad | Anggota Lembaga |

### SYOR

4. Perwakilan disyorkan perkara-perkara berikut:

(a) mencalonkan dan memilih enam (6) anggota dari kalangan perwakilan untuk mengganggotai JMM MAPT Ke-45; dan

(b) mengesahkan pelantikan empat (4) anggota Lembaga iaitu Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan seorang anggota Lembaga lain.

5. Agenda ini dibentangkan untuk kelulusan pelantikan ahli-ahli JMM MAPT Ke-45.

Mesyuarat
AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
KE 45